



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**KETUA PEMBANTU TEKNIK (C.3-4 EB.5)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA METERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



KETUA PEMBANTU TEKNIK
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 -\$2,970 EB KHAS \$3,040 - \$3,320 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Elektrik / Elektronik / Mekanikal atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berpengalaman dan berkeupayaan dalam bidang yang luas dan terbukti dalam kerja-kerja Kejuruteraan Elektrikal / Mekanikal atau sebanding seperti tugas-tugas berikut adalah kelebihan:
 - i. Penyediaan kerja-kerja mengawasi dan memelihara sistem penghantaran 66KV;
 - ii. Sistem pembahagian *LV* dan *11KV*, termasuk *switching and operation* sistem Jana kuasa Elektrik;
 - iii. Sistem pemasangan jentera *standby generators*; dan
 - iv. Sistem Jana kuasa Elektrik.
 3. Mempunyai Lesen Memandu Kelas 3 yang sah (tidak mansuh).



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Jurutera dalam kerja-kerja pemeliharaan pembaikan dan rawatan kuasa Elektrik;
2. Merancang menyusun dan melaksanakan tambahan pembekalan dan pemeliharaan bekalan Elektrik mengikut keutamaan;
3. Membuat Operasi *Switching 11KV* dan *66KV* apabila diarahkan oleh Jurutera Pengawas;
4. Bertugas sebagai *duty officer* semasa panggilan kecemasan dan menghadiri kerosakan-kerosakan; dan
5. Mengawasi kakitangan bawahan termasuk pengawasan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor.